

PENDEKATAN WASATIYYAH DALAM MASYARAKAT MULTIETNIK DI MALAYSIA

Nor Azlina Binti Endut
Rohaini Binti Amin
Ayu Nor Azilah Binti Mohamad
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kepelbagaian etnik menyaksikan Malaysia mempunyai pelbagai bahasa, agama dan budaya yang berbeza. Dasar kolonial bukan sahaja meninggalkan kesan dari segi fizikal tetapi turut meracuni pemikiran dan ideologi yang menjadi faktor kepada pelbagai konflik dalam masyarakat multi-etnik ini. Malaysia telah melaksanakan pelbagai polisi dan dasar yang boleh membawa pelbagai etnik yang berbeza untuk bekerjasama bagi memastikan keharmonian etnik sentiasa terpelihara. Antara dasar Islam yang dilancarkan oleh kerajaan untuk pembangunan dan hubungan etnik ialah prinsip wasatiyyah. Konsep wasatiyyah merupakan pendukung kepada gagasan Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak ini bertujuan untuk memupuk keharmonian dan kestabilan antara masyarakat multi-etnik di Malaysia. Kertas kerja ini akan menerangkan dengan lebih mendalam lagi tentang pendekatan konsep wasatiyyah dalam masyarakat multi-etnik di Malaysia.

Kata Kunci: *Konsep Wasatiyyah, Malaysia, Masyarakat Multi-etnik*

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian etnik yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina, India, Sabah, Sarawak dan etnik minoriti yang lain. Kepelbagaian etnik ini menyaksikan Malaysia mempunyai pelbagai jenis bahasa, agama dan budaya yang berbeza. Kepelbagaian ini juga boleh menimbulkan berlakunya perpecahan atau timbulnya konflik antara etnik-etnik di Malaysia.

Dasar kolonial bukan sahaja meninggalkan kesan dari segi fizikal tetapi turut meracuni pemikiran dan ideologi yang menjadi sumber kepada pelbagai konflik dalam masyarakat. Contohnya dengan pengenalan berbagai aliran persekolahan mengikut etnik di Tanah Melayu oleh kerajaan kolonial bertujuan untuk memecahkan perpaduan antara kaum. Menyedari wujudnya ketaasaban menebal dalam kalangan ketiga-tiga kaum terbesar di Tanah Melayu, kerajaan Malaysia sejak merdeka telah berusaha sedaya upaya untuk mengecilkan jurang perbezaan antara ketiga-tiga kaum tersebut.

Bermula daripada lapangan ekonomi, sosial hinggalah kepada politik, kerajaan menerusi agensi di bawah kementerian tertentu telah memperkenalkan pelbagai dasar dan program. Antara dasar ekonomi terkenal, ialah Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Wawasan 2020. Manakala dari segi sosial pula, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Pendidikan Negara, Rukun Negara dan sebagainya khusus untuk memberikan perhatian kepada soal perpaduan negara. Ini dilakukan bagi memastikan dasar dan perancangan negara dapat berjalan dengan baik dan dinikmati secara adil dan saksama.

Kemakmuran kehidupan rakyat Malaysia merupakan hasil daripada usaha yang dilakukan oleh pemimpin dan rakyat terdahulu. Kemakmuran ini tidak akan dinikmati tanpa adanya sikap tolak ansur, sederhana dan timbang rasa antara pemimpin yang mewakili kaum terbesar di Malaysia. Ringkasnya boleh dikatakan, konsep wasatiyyah dalam kepelbagaian hidup masyarakat Malaysia telah lama menjadi amalan di negara ini. Oleh itu, tidak hairanlah pada masa kini, pelbagai program yang menggabungkan penyertaan semua rakyat seperti rumah terbuka, perayaan bersama dan sebagainya mendapat sambutan luar biasa rakyat.

PENGERTIAN WASATIYYAH

Dalam bahasa Arab, istilah wasatiyyah berasal daripada perkataan wasat. Secara fizikalnya, wasatiyyah bermaksud “di tengah-tengah”. Secara konseptualnya pula, wasatiyyah mempunyai maksud yang banyak, termasuk sederhana, pertengahan, seimbang, adil dan tidak melampau. Perkataan lain yang digunakan dalam bahasa Arab iaitu i'tidal bererti tidak melampau yakni tidak rigid atau ketat dan tidak pula longgar atau cuai. Firman Allah di dalam Surah al-Baqarah ayat 143.

“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami menadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil.”

Menurut Ahmad Omar Hashem (2006), beliau mendefinisikan wasatiyyah dengan apa-apa yang berada di tengah supaya tidak ada satu pun yang berlebihan atau melampau. Ini bermakna bukan menokok tambah atau terlalu keterlaluan dan bukan juga berlebih-lebihan. Tetapi, wasatiyyah adalah pilihan yang terbaik, adil dan paling sempurna.

Menurut al-Qaradawi pula, wasatiyyah adalah sesuatu yang memerlukan hak yang sewajarnya iaitu memberikan hak yang sepatutnya dengan mengambil jalan tengah agar tidak melampaui batas-batas syariat Islam (al-Qaradawi 1997: 10). Konsep kesederhanaan atau pertengahan ini adalah sebagai pusat kekuatan dengan membuat analogi bahawa tenaga orang muda adalah lebih kuat berbanding tenaga kanak-kanak dan orang yang sudah tua. Begitu juga dengan kepanasan matahari adalah lebih kuat pada waktu tengah hari berbanding di waktu pagi dan petang. Selain itu al-Qaradawi turut menyatakan bahawa kesederhanaan ini adalah sebagai kuasa penyatuan. Ini kerana pemikiran sederhana mampu menerima pendapat dan pandangan orang lain berbeza dengan pandangan orang yang ekstrem dan melampau.

Dalam kehidupan harian kita, terdapat duanilai yang saling esktrem yang dapat disenaraikan, seperti **Jadual 1**. Kedua-dua nilai ini terdapat dalam diri setiap insan. Antara kedua-dua keadaan ekstrem ini, terdapat satu keadaan yang disebut sebagai adil atau pertimbangan yang adil (*bil qist*), tidak melampau atau berkurang, berada di pertengahan, berseimbangan antara dua nilai ekstrem, dan tanpa zalim. Pendekatan wasatiyyah (pendekatan yang adil dan terpilih) atau pendekatan berseimbangan digunakan untuk meletakkan sesuatu secara sederhana, berseimbangan, pertengahan dan sesuai pada suasana, masa dan tempat tanpa berlebihan atau berkurangan

Jadual 1: Dua nilai ekstrem dalam kehidupan manusia.

Nilai ekstrem pertama	Nilai ekstrem kedua
Sayang	Benci
Sedih	Gembira
Takut	Berani
Ketuhanan	Kemanusiaan
Kerohanian	Kebendaan
Dunia	Akhirat
Wahyu	Akal
Masa silam	Masa hadapan
Individu	Kumpulan
Ideal	Realiti
Perkara yang tetap	Perkara yang berubah
Hak	Batil
Boros dan membazir	Kedekut

Di samping itu, menurut Imam Mohamed Baianonie, istilah Arab, *wasat*, membawa tiga makna, iaitu:

“to be moderate, to be in the middle, and to be the best. Therefore, when Allah s.w.t describes the Muslim Ummah as a nation that is Wasat, Allah means that we are moderate, we are an Ummah that is in the middle, and that we are the best nation. Atawasoot in an Islamic sense means that the Muslim should try his best to be moderate in all of his affairs, and he should keep away from extreme practices and making extreme statements”

Begitu juga menurut *al-Tafsir al-Kabir* yang dikarang oleh Fakhr al-Din al-Razi (1935), beliau menyatakan tentang wasatiyyah dengan mentafsirkan *wasat* itu sebagai keadilan yang mana pendekatan adil tersebut akan menjadi lebih baik sekiranya berada di tengah iaitu seimbang dan sama dalam segala hal.

Berdasarkan penjelasan makna di atas, jelaslah bahawa umat Islam disifatkan sebagai umat yang adil dan sederhana pada tempatnya. Menurut Syed Qutb (2000:295), umat Islam adalah umat yang adil dalam segala erti keadilan sama ada keadilan dengan erti kebaikan dan kelebihan atau keadilan dengan erti kesederhanaan atau dengan ertinya yang fizikal iaitu duduk di tengah-tengah. Umat Islam berada pada posisi yang tengah. Oleh itu umat Islam tidak hanyut oleh materialisme. Posisi umat Islam di tengah ini menjadikan umat Islam mampu menyeimbangkan antara aspek rohani dan jasmani, material dan spiritual termasuk segala sikap dan perbuatan.

Umat Islam menjadi lemah apabila berkembangnya sikap fanatik dan taksub terhadap pendekatan tertentu sehingga mencapai tahap ekstrem (*ifrat, ghuluww*) atau meluasnya fahaman liberal (*tafrit, tasahul*) yang melonggarkan kefahaman dan amalan agama. Kedua-dua kecenderungan ini terpesong daripada kefahaman Islam yang adil dan sederhana (*al-‘adl wa al-wasat*) (Mahamad Kamil bin Abdul Majid, 2004). Oleh itu, setiap perkara di dunia ini perlukan keseimbangan. Apabila tidak wujud elemen keseimbangan, maka pelbagai masalah akan timbul.

GAGASAN 1MALAYSIA

Gagasan 1Malaysia yang bermotokan ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’ adalah satu falsafah yang menjadi tunjang kepada pentadbiran negara Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri keenam Dato’ Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Ia bukanlah satu wawasan atau gagasan pemikiran baru, tetapi merupakan kesinambungan daripada dua konsep yang telah diperkenalkan oleh dua mantan Perdana Menteri terdahulu iaitu Tun Mahathir Mohamad (1981-2003) dan Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009). (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009).

Oleh kerana Gagasan 1Malaysia lahir daripada idea atau pemikiran Perdana Menteri, Mohd Najib Tun Abdul Razak, maka definisinya juga terlebih dahulu dirujuk kepada penjelasan beliau seperti berikut:

“Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. Dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita. Ini bukan bererti kita mengetepikan dasar afirmatif, dasar untuk menolong kaum Bumiputera asalkan dasar itu dilaksanakan dengan cara yang adil dan memberi pertimbangan kepada golongan Bumiputera yang layak mendapat sesuatu pertimbangan daripada kerajaan. Kita keluar daripada cara bertindak dalam tembok etnik yang kita amalkan sejak sekian lama”

(Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009:8)

Bagi mencapai hasrat dan visi kedua-dua konsep tersebut, soal kesatuan dan perpaduan rakyat pelbagai kaum dan etnik di negara ini sangat ditekankan. Mohd Najib Tun Abdul Razak menyatakan usaha-usaha memelihara dan menjaga kepentingan rakyat serta negara sudah pun dilaksanakan sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj lagi. Usaha ini kemudiannya telah disambung oleh pemimpin-pemimpin negara yang seterusnya (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009).

Untuk menyambung usaha yang telah dilakukan oleh para pemimpin yang terdahulu, maka Mohd Najib Tun Abdul Razak memperkenalkan Gagasan 1Malaysia yang bertujuan memperkukuhkan pendekatan-pendekatan yang sedia ada dan menguatkan lagi perpaduan kaum di negara ini. Hal ini bagi menjamin kestabilan ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Malaysia. Dalam perkataan lain, Gagasan 1Malaysia adalah sebagai satu formula yang akan membantu memastikan aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 tercapai jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Acuannya adalah dengan memperkukuhkan hubungan antara rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Daripada penjelasan Mohd Najib Tun Abdul Razak mengenai Gagasan 1Malaysia ini, maka dapatlah dirumuskan bahawa Gagasan 1Malaysia adalah satu gagasan penyatuan kaum. Di dalamnya terkandung tiga teras utama iaitu prinsip penerimaan, prinsip kenegaraan dan prinsip keadilan sosial. Prinsip gagasan 1Malaysia menghormati dan menghargai prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan serta identiti-identiti etnik setiap kaum di Malaysia. Ini bermaksud Gagasan 1Malaysia adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Hak keistimewaan orang Melayu dan agama Islam tidak akan dipersoalkan, manakala kaum lain bebas untuk mengamalkan agama dan budaya masing-masing. 1Malaysia juga bermaksud kerajaan akan mendahulukan rakyat dan merentasi seluruh lapisan masyarakat serta kumpulan etnik di setiap pelusuk tanah air (Shamsudin Moner, 2010).

PENEKANAN KONSEP WASATIYYAH DALAM GAGASAN 1MALAYSIA

Bagi mencapai hasrat ini, Mohd Najib Tun Abdul Razak telah meletakkan wasatiyyah sebagai pendukung kepada gagasan 1Malaysia. Konsep wasatiyyah jelas dilihat dalam semua aspek.

“Gandingan konsep Gagasan 1Malaysia dan konsep Wasatiyyah dalam Islam yang mementingkan kesederhanaan dan keseimbangan perlu terus dipromosikan bagi membentuk ummah yang berpaksikan kekuatan iman tanpa mengabaikan prinsip toleransi dan keadilan sosial rakyat berbilang bangsa serta agama di negara ini bagi memastikan sokongan padu rakyat terhadap agenda transformasi sosioekonomi yang sedang dilaksanakan terus mendapat dokongan masyarakat Islam yang merupakan penduduk majoriti negara ini.”

(JAKIM, 2010).

Tujuan dihubungkan antara dua perkara ini adalah untuk meningkatkan persefahaman dan perpaduan antara kaum berdasarkan konsep wasatiyyah. Secara tidak langsung, ia juga bertujuan mengelak daripada lahirnya golongan radikal dan ekstremis dari pelbagai agama, sama ada agama Kristian, Hindu, Buddha, dan Islam sendiri (Ismail Ibrahim, 2009). Menurut Mohd Najib Tun Abdul Razak (2010:46), konsep wasatiyyah akan merealisasikan ajaran Islam yang lebih komprehensif dan syumul serta berimbang antara pelbagai tuntutan. Ini untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam contoh yang maju dan berimbang dalam segenap bidang.

Menurut al-Qaradawi, konsep wasatiyyah terbahagi kepada empat bentuk. Pertama, wasatiyyah dalam aspek ibadah. Kedua, wasatiyyah dalam aspek akhlak. Ketiga, wasatiyyah dalam aspek perundangan. Keempat, wasatiyyah dalam aspek sosial (hubungan antara individu dan masyarakat).

Gagasan 1Malaysia adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi dan paling utama kepada negara. Apabila kesepaduan antara masyarakat berbilang kaum yang harmoni ini dihubungkan dengan konsep wasatiyyah pada masa yang sama masyarakat juga memahami konsep wasatiyyah ini, maka ia akan mudah dicapai dan bertambah kukuh. Menurut Bahagian Penerbitan Dasar Negara (2009:8), apabila perpaduan yang dicapai itu telah kukuh, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

Perkara ini telah jelas ditegaskan dalam al-Qur'an dalam surah Ali-Imran ayat 103 bahawa perpaduan itu adalah satu anugerah besar daripada Allah S.W.T, manakala perpecahan dan permusuhan itu adalah amat dilarang oleh Allah S.W.T. Maka, pengajaran dari ayat ini yang boleh dikaitkan dengan gagasan 1Malaysia ialah semua rakyat hendaklah berpegang teguh kepada prinsip hidup secara

berjemaah dan mendukung agenda perpaduan dan pembangunan negara. Apabila kehidupan bersatu padu dapat dibentuk, maka permusuhan dan perpecahan dapat dielakkan. Jika berlaku masalah, segalanya boleh diselesaikan dengan cara perundingan dan bukannya pergaduhan.

Menurut Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam ucapan perasmian pelancaran Institut Wasatiyyah Malaysia pada 8 Mac 2013, wasatiyyah bukanlah hak cipta Malaysia, malah tidak ada paten Malaysia terhadap konsep wasatiyyah ini. Walau bagaimanapun, mungkin dari segi penghayatan dan aplikasi, dalam segala sudut dimensi, Malaysia mampu menjadi negara terkemuka dalam mempraktikkan wasatiyyah sebagai manhaj. Kita dapat melihat cara pemerintahan pemimpin terdahulu meskipun pada masa itu tidak disebut sebagai konsep wasatiyyah tetapi seawal penubuhan negara, jika dikaji dalam Perlembagaan Malaysia, perkara asasnya memang berpaksi kepada prinsip kesederhanaan dan keseimbangan serta keadilan antara kaum. Dalam contoh agama, Islam dinobatkan sebagai agama Persekutuan, akan tetapi agama lain dibenarkan untuk diamalkan secara bebas dan aman. Dari sudut imej negara, kita juga dapat melihat di persada antarabangsa, Malaysia bukanlah negara yang mengamalkan cara dan dasar yang keterlaluan, malah dalam segenap perkara, Malaysia mampu memainkan peranan sebagai orang tengah atau pemudah cara.

PRINSIP- PRINSIP GAGASAN 1MALAYSIA

Elemen yang menjadi teras utama dalam Gagasan 1Malaysia adalah tiga prinsipnya. Prinsip pertama ialah prinsip penerimaan, kedua ialah prinsip kenegaraan manakala yang ketiga ialah prinsip keadilan sosial. Segala nilai serta prinsip dalam Gagasan 1Malaysia adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Prinsip-prinsip tersebut dihuraikan secara terperinci seperti berikut:

Pertama: Prinsip Penerimaan

Prinsip ini bermaksud walaupun rakyat Malaysia mempunyai cara hidup, amalan, budaya dan agama yang berbeza, tetapi rakyat Malaysia menerima satu sama lain sebagai rakan setia (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009). Perbezaan faktor kaum, agama dan budaya tidak sepatutnya menjadi batu penghalang dalam usaha melahirkan masyarakat yang harmoni dengan menyuburkan sikap saling hormat menghormati, memahami dan bertoleransi.

Kedua: Prinsip Kenegaraan

Konsep perpaduan, semangat nasionalisme dan cintakan negara telah diterapkan semenjak dahulu lagi oleh pemimpin-pemimpin terdahulu. Tunku Abdul Rahman melalui Parti Perikatan yang dipimpinnnya dengan dibantu oleh Tun Tan Cheng Lok, Tun V.T Sambathan berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan dan kebebasan daripada penjajah British untuk Tanah Melayu. Tun Abdul Razak pula mengilhamkan Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Selain itu, Tun Hussien Onn juga berusaha memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat sehingga digelar 'Bapa Perpaduan'. Begitu juga dengan Tun Mahathir Mohammad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi yang memperkenalkan Wawasan 2020 dan konsep Cemerlang, Gemilang dan Terbilang sebagai gagasan yang bertujuan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009).

Ketiga: Prinsip Keadilan Sosial

Setiap kaum di negara ini tanpa mengira latar belakang atau agama diberi keadilan yang sebaik mungkin dari segi kebajikan dan aspek-aspek sosial yang penting. Melalui Gagasan 1Malaysia, setiap wakil rakyat bertindak melepasi sempadan kaum masing-masing dan melebarkan khidmat mereka kepada kaum-kaum lain. Namun begitu, Gagasan 1Malaysia bukanlah platform bagi mana-mana pihak untuk membuat tuntutan yang keterlaluan dan melampaui batas (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009).

PENDEKATAN WASATIYYAH

Pendekatan wasatiyyah mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan pendekatan ekstrem. Antara kelebihanannya, seperti yang dinyatakan oleh Sheikh Yusuf al-Qaradhawi, termasuklah:

- Jelmaan kesederhanaan bermaksud adil dalam tindakan seseorang. Pelaksanaan yang adil hanya dapat dilakukan sekiranya kita mengambil pendekatan secara pertengahan dan seimbang secara adil antara dua pihak yang berbalah atau bertikai atau antara dua nilai ekstrem, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.
- Pelaksanaan pendekatan wasatiyyah atau perlu dilakukan secara istiqamah atau berterusan, sebagaimana yang digambarkan oleh Allah (al-Fatihah: 6- 7) yang bermaksud:

“Tunjukilah kami jalan yang lurus, Iaitu jalan yang telah Engkau kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang telah Engkau murkai (yakni orang Yahudi yang membunuh banyak nabi), dan bukan pula (jalan) orang yang sesat (yakni orang Nasrani yang mempertuhankan Rasul).”

Orang Islam perlu menjadi umat yang mengambil pendekatan antara dua nilai ekstrem iaitu golongan yang dimurkai oleh Allah yang keterlaluan dalam agamanya, dan golongan yang sesat yang sentiasa mengabaikan dan mempermudah perintah Allah.

- Pendekatan wasatiyyah juga lambang kebaikan untuk memenuhi tuntutan antara dua ekstrem – antara dunia dengan akhirat, antara keunggulan dengan realiti, antara rohani dengan jasmani, antara kehendak individu dengan jemaah atau masyarakat, antara wahyu dengan akal, dan sebagainya.
- Pendekatan wasatiyyah merupakan lambang keamanan kerana dapat mendamaikan dua buah kumpulan yang menggunakan pendekatan yang ekstrem.
- Pendekatan wasatiyyah ialah lambang kekuatan kerana didukung oleh majoriti yang tidak ekstrem. Biasanya golongan pertengahan, seimbang dan adil ini banyak, tetapi merupakan majoriti yang ‘senyap’.
- Pendekatan wasatiyyah sebagai tunjang kesatuan. Kesatuan tidak dapat dibangunkan oleh mereka yang ekstrem, melainkan sesama golongan ekstrem tersebut yang tidak majoriti. Sebaliknya golongan pertentangan selalu wujud antara dua golongan ekstrem yang saling bertentangan, manakala golongan yang menggunakan pendekatan wasatiyyah ialah golongan majoriti yang berada di pertengahan.

Kepelbagaian (*plurality*) adalah satu realiti yang diakui oleh Islam. Kepelbagaian adalah sunnatullah yang harus diuruskan dengan penuh bijaksana, supaya ia boleh menjadi faktor kekuatan dalam masyarakat dan boleh membawa kepada kerukunan dan keharmonian hidup orang ramai. Dalam sejarah tamadun Islam mencatatkan pengalaman yang sangat hebat dalam menangani masalah masyarakat majmuk. Sejak awal penubuhan negara Islam di Madinah, Rasulullah SAW membuat perjanjian untuk menangani kemajmukan supaya dapat diwujudkan kerukunan dalam masyarakat Madinah. Perjanjian ini dikenali sebagai Sahifah (Piagam) Madinah. Pada masa itu masyarakat Madinah merupakan masyarakat majmuk daripada Muhajirin dan Ansar (Aus dan Khazraj), kaum Yahudi terdiri daripada Bani Qainuqa', Bani Quraizah dan Bani Nadir dan orang-orang Arab menyembah berhala (musyrikin).

Asasnya, Perlembagaan Persekutuan yang dengan jelas memperuntukkan agama Islam sebagai agama Persekutuan selari dengan sejarah dan amalan yang ada di negara ini. Walaupun begitu, agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman di mana-mana bahagian dalam Persekutuan. Dalam Perlembagaan Persekutuan juga jelas menyatakan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan tanpa melupakan peranan bahasa-bahasa lain; dan kedudukan istimewa kaum Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak tanpa menafikan kepentingan sah kaum-kaum lain.

Dalam masyarakat Islam di Malaysia, walaupun majoritinya menganut fahaman sederhana, namun ia diasak dan dihipit oleh dua aliran pemikiran iaitu aliran terlalu ketat dan aliran yang terlalu longgar. Bagi golongan pengetat agama mereka mengeluarkan pandangan dan hukum hakam yang berat serta melampau. Sementara itu, golongan yang terlalu longgar pandangan mereka amat terbuka dan kadang-kadang bertentangan dengan prinsip-prinsip asas Islam. Oleh itu umat Islam tersepit antara dua ekstrem; yang pertama terlalu ketat dan berlebih-lebihan dan yang keduanya terlalu longgar dan berlebih-lebihan liberal. Di sinilah letaknya kepentingan konsep wasatiyyah perlu disebar-luaskan supaya berkembang dalam masyarakat sebagai satu manhaj untuk mencari jalan yang sederhana, berimbang dan pertengahan antara dua pandangan yang ekstrem tersebut.

Di dalam mengurus perhubungan kaum dan agama di Malaysia, kerajaan sejak merdeka lagi memilih untuk mengamalkan dasar integrasi berbanding asimilasi. Perbezaan antara kedua-dua dasar ini amat besar. Integrasi bermakna kepelbagaian dihormati, dikekalkan seterusnya diraikan. Ia selaras dengan prinsip ajaran Islam yang menegaskan tiada paksaan di dalam beragama dan kepelbagaian adalah asas untuk kenal-mengenal sebagai satu kerahmatan. Berbeza dengan asimilasi yang menggabungkan perbezaan bagi tujuan mencipta identiti yang sama. Malaysia menolak dasar ini bagi membina negara kerana tidak bersesuaian dengan realiti di Malaysia.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, kertas kerja ini merumuskan bahawa sebagai sebuah negara yang mempunyai agama dan budaya yang pelbagai, pendekatan wasatiyyah di Malaysia perlu diperluaskan ke dalam segala aspek pemerintahan. Sebelum kita dapat melaksanakan wasatiyyah dalam hubungan kaum, kita perlu mewujudkan perpaduan ummah atau persaudaraan sesama Islam terlebih dahulu sebagai asas kepada perpaduan nasional atau perpaduan antara kaum dan etnik di Malaysia. Orang Melayu-Islam perlu mengukuhkan perpaduan dan persaudaraan antara mereka kemudian barulah diperkukuhkan perpaduan antara kaum. Di Malaysia ketika ini, konsep wasatiyyah dijadikan tunjang kepada pelaksanaan Gagasan 1Malaysia. Setelah diteliti, ia jelas wujud dalam ketiga-tiga prinsip Gagasan 1Malaysia tersebut. Justeru, wasatiyyah merupakan satu pendekatan dan jalan terbaik dalam usaha mencapai visi dan misi utama Gagasan 1Malaysia, iaitu untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Dalam Islam, pendekatan wasatiyyah menyatukan manusia tanpa merosakkan kepelbagaian hidup yang wujud itu. Ia juga selari dengan konteks negara Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk. Dengan menggunakan pendekatan wasatiyyah ini, perpaduan kaum dapat dicapai tanpa menghapuskan identiti sesuatu bangsa.

RUJUKAN

- Abu al-Fida Ismail Ibn Kathir (2003). *Tafsir Ibn Kathir*, terj. Shaykh Safiur-Rahman Al-Mubarakpuri. Riyadh: Darussalam.
- Ahmad Omar Hashem (2006). *Moderation in Islam*. .tp: United Printing Publishing & Distributing.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara (2009). *Satu Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Diakses dari http://www.kpkk.pagov.my/pdf/Booklet_1Malaysia.pdf, pada 2 April 2017.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2010). *Konsep Wasatiyyah Pendukung Gagasan 1Malaysia 1Ummah*. Diakses dari <http://www.islam.gov.my/konsep-wasatiyyah-pendukung-gagasan-1malaysia-1ummah>, pada 22 Mac 2017.
- Mashitah Ibrahim (2011). *Minda: Wasatiyyah Tangani Kepelbagaian Kaum*. Diakses dari http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/minda_Wasatiyahtanganikepelbagaiankaum/Article, pada 18 Mac 2017.
- Mohamed Baianonie (2004). *The Ummah of Moderation*. Diakses dari <http://islam1.org/khutub/Moderation%20.doc>, pada 28 Mac 2017.
- Mohd Najib Tun Razak. *Bernama. Konsep Wasatiyyah Satu Pendekatan Untuk Keamanan Sejagat*, Mar. 13, 2012.
- Mohd Najib Tun Razak (2010). *Transformasi Minda Memeta Wawasan Melaksana Amanah*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

- Mushaddad Hasbullah & Mohd Asri Abdullah (2013). *Wasatiyyah Pemacu Peradaban Negara*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Wan Kamal Mujani, Ermy Azziaty Rozali & Nor Jamaniah Zakaria. The Wasatiyyah (Moderation) Concept: Its Implementation In Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*: Vol. 6 No. 4. July 2015.
- Wan Norhasniah Wan Husin. The Relationship Between the Concept of Wasatiyyah and The Values of Budi-Islam in Reinforcing Ethnic Relations in Islam. *Journal of Social Science and Humanities*. Vol.3, No.6, Nov 2013.
- Yusuf al-Qaradhawi (2009). *Agama dan Politik. Wawasan Ideal dan Menyanggah Kekeliruan Pemikiran Sekular-Liberal*, terj. Ibnu Sham. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise
- Yusuf al-Qaradhawi, 2010. *Kesederhanaan dalam Islam: Satu Penerangan Ringkas dan Penanda Aras*. Pulau Pinang, Penerbit Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Institut Kajian Dasar.
- Yusuf Al-Qaradhawi. (1997). *Wasatiyyah al-Islam*. Dlm. *Islam Moderate Legislation for Progressive Nation*. Terj. Ahmad Umar Hisyam & Muhammad Higab. Cairo: al-Azhar.